

Headline	Matlamat bantu tangani kos sara hidup berkesan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 May 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	27	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,799
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,397



Matlamat bantu tangani kos sara hidup berkesan

Ipoh: Matlamat kerajaan negeri untuk membantu golongan sasar bagi menangani isu kos sara hidup yang semakin meningkat dilihat berkesan melalui pelaksanaan program Kedai Bergerak 1 Aman Jaya (KB1AJ).

KB1AJ adalah projek komuniti kerajaan negeri Perak di bawah pengendalian Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) untuk membantu rakyat mendapatkan barang keperluan asas pada harga lebih rendah dan berpatutan.

Ketua Jabatan Perkhidmatan Pelanggan YBUDR, Mohd Khir Ahmad Ghazali, berkata kehadiran penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan itu semakin meningkat setiap tahun.

“Sejak program itu diperkenalkan pertengahan 2014 hingga Mac lalu, hasil terkumpul menggunakan kemudahan lori jualan barangan itu adalah RM10.1 juta.

“Ia membabitkan 260,685 pelanggan dengan bilangan lokasi dijelajahi ialah 2,356 lokasi, tidak termasuk lokasi sama yang dilawati beberapa kali,” katanya ketika ditemui di lokasi KB1AJ di Pasar Tanjung Rambutan, di sini.

Guna lori khas bawa imej KBA1J

Mohd Khir berkata, bermula dengan hanya 22 jenis barang keperluan asas sebagai barang jualan utama, bilangan barangan kini meningkat kepada 41 barangan seiring dengan permintaan pelanggan.

Katanya, YBUDR sentiasa mengemas kini dan menambah baik pelaksanaan KB1AJ sepanjang masa, antaranya dengan peng-

gunaan lori khas yang benar-benar membawa imej KB1AJ dengan reka bentuk lebih mesra pelanggan bagi memudahkan urusan niaga.

“Setakat ini kita memiliki empat lori, iaitu dua bersaiz lima tan manakala dua lagi bersaiz 8.5 tan,” katanya.

Beliau berkata, sejak dua tahun lalu pihaknya menaik taraf sistem KB1AJ bagi mengatasi isu pelanggan yang mengambil kesempatan menjual semula barangan yang dibeli di lori itu untuk mendapatkan keuntungan.

“Setiap pelanggan yang datang membeli perlu membawa kad pengenalan dan melalui sistem, kita dapat mengesan tahap maksimum pembelian mereka,” katanya.



KB1AJ

→ **Projek dicituskan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir** adalah kesinambungan idea konsep Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang diilhamkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak.

→ **Lokasi pergerakan KB1AJ** ialah di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti kawasan pasar pagi, pasar tani, pekarangan masjid dan dewan orang ramai.